

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



中國銀行 马来西亚

BANK OF CHINA (MALAYSIA) BERHAD 200001008645(511251-V)

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (HPP) ini memberikan anda maklumat penting tentang perkhidmatan kewangan perniagaan anda dengan Bank of China (Malaysia) Berhad (BOCM). Pelanggan lain telah membaca HPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga harus membacanya.**

① Apakah itu Resit Amanah (TR)?

TR ialah kemudahan untuk membiayai pembelian domestik atau luar negara di bawah Surat Kredit yang dikeluarkan oleh BOCM dan/atau Kutipan yang diterima oleh BOCM.

Faedah-faedah TR

- Meningkatkan perundingan/ kuasa membeli untuk mendapatkan syarat perniagaan yang lebih baik daripada pembekal anda.
- Mempercepatkan aliran tunai, mengurangkan tekanan pembiayaan.

② Apakah Obligasi Anda?

- Anda akan memegang dokumen, barangan dan hasil jualan sebagai pemegang amanah untuk BOCM dan semata-mata untuk BOCM.
- Anda mengisytiharkan bahawa permohonan TR untuk mengeluarkan dokumen dan pinjaman TR adalah semata-mata untuk tujuan perniagaan anda sendiri dan anda adalah pihak yang berkontrak.
- Anda mesti memulangkan dokumen/barangan dengan segera dan mematuhi semua arahan atas permintaan BOCM.
- Anda dikehendaki mengekalkan perlindungan insurans penuh untuk barangan terhadap semua risiko dan memegang polisi insurans sebagai amanah untuk BOCM.
- Anda berjanji untuk indemnifi BOCM atas dasar indemniti penuh.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami terma dan syarat permohonan TR sebelum anda menandatangani.



Membayar amaun penuh TR termasuk komisen atau caj yang berkenaan pada tarikh matang.

③ Kenali Risiko Anda

Apakah risiko utama?

1. Anda menanggung risiko kehilangan atau kerosakan barangan semasa ia berada dalam milikan anda.
2. BOCM boleh pada bila-bila masa, membatalkan amanah dan mengambil milikan barang jika kemudahan TR adalah tertunggak.

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan obligasi anda?

1. Anda akan membayar lebih disebabkan oleh penalti pada kadar seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran, dikira dari tarikh matang hingga tarikh pembayaran penuh.
2. Dengan pemberitahuan awal, BOCM berhak menolak sebarang amaun tertunggak yang perlu dibayar di bawah produk ini dengan mana-mana akaun anda dikekalkan dengan BOCM.
3. BOCM berhak mengenakan sekatan daripada membuat permohonan lanjut sehingga semua TR tertunggak dibayar sepenuhnya.
4. BOCM berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap anda jika gagal dalam pembayaran.

④ Fi dan Caj

Jenis Perkhidmatan	Harga/ Fi/ Caj (RM atau nilai setara)	Waktu pemprosesan (domestik & rentas sempadan)
Permohonan/ Pembayaran/ lanjutan TR	Kadar faedah TR: Kadar Pinjaman Asas (BLR) + margin keuntungan atau kadar yang ditetapkan dalam Surat Tawaran Faedah = $\frac{\text{Prinsipal} \times (\text{BLR} + \text{Margin } \%) \times \text{Tempoh biaya}}{365}$ TR perlu dibayar balik atas permintaan atau pada tarikh matang, yang mana lebih awal, bersama dengan faedah terakru padanya. Faedah akan terakru ke atas pinjaman TR dari tarikh pembiayaan sehingga tarikh pembayaran sebenar dengan sepenuhnya.	<u>Permohonan TR:</u> Pembayaran dalam mata wang asing: Sebelum pukul 2 petang, proses pada hari yang sama; Selepas pukul 2 petang, akan diproses pada hari bekerja berikutnya. Bayaran dalam Ringgit Malaysia (RENTAS): Sebelum pukul 11.30 pagi, proses pada hari yang sama; Selepas pukul 11.30 pagi, akan diproses pada hari bekerja berikutnya. <u>Pembayaran/lanjutan TR:</u> Sebelum pukul 5 petang, proses pada hari yang sama.
Nota: ▪ Caj Lain: Sila rujuk kepada surat tawaran yang berkaitan dan Caj Standard kami mengenai Operasi Perkhidmatan Perdagangan Antarabangsa di https://www.bankofchina.com.my/m/en-my/service/information/service-rates-and-tariffs/standard-charges-on-international-trade-services-operations.html untuk senarai penuh fi dan caj; ▪ Fi dan caj di atas adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan; ▪ Pemprosesan hari yang sama tertakluk kepada permohonan TR dan dokumen adalah lengkap; ▪ Masa pemprosesan yang lebih lama akan digunakan untuk penghantaran pukal.		

⑤ Terma Utama Lain

Adalah penting untuk anda memaklumkan BOCM sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai TR kami, anda boleh:



Menghubungi Pusat Panggilan Pelanggan:
+603-20595566



Mengunjungi Laman Web:
<https://www.bankofchina.com.my/en-my/segment/corporate-banking/trade-services/trade-finance/trust-receipt.html>



E-mel ke:
callcenter@my.bank-of-china.com

Sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda boleh menghubungi AKPK di:



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Nombor Perhubungan: +603-2616 7766
E-mel: enquiry@akpk.org.my